

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021**

**SOALAN**

**TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) Berapa jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan untuk tahun 2015-2021 dan berapa yang telah diluluskan mengikut tahun; dan
- (b) apakah status permohonan Cik Angeline May Soon, No. Permohonan 07041011-20160318-11331743, No. Rujukan KDN: 168734 untuk kewarganegaraan Malaysia di bawah perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2021, statistik jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan adalah sebanyak 33,094 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,534 pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan dan sebanyak 2,396 permohonan tidak diluluskan.

Manakala Permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi Angeline May Soon, No. Permohonan 07041011-20160318-11331743, No. Rujukan KDN: 168734 adalah masih dalam proses untuk pertimbangan. Pemohon juga boleh membuat semakan status permohonan kewarganegaraan melalui e-mel atau telefon ke Kementerian atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).